

**Qamaruddin**  
Mohd Fauzi



Naib Yang Dipertua  
Majlis Perwakilan Pelajar, UMP

## Mahasiswa penggerak amalan hijau



Mahasiswa memainkan peranan penting dalam usaha memulihara kelestarian alam sekitar.

**P**eranan mahasiswa dalam meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kelestarian alam sekitar sememangnya dituntut, namun anjakan perlu dilakukan dengan memfokuskan usaha pembudayaan amalan hijau secara berfasa dan berimpak tinggi.

Biarpun sudah ada inisiatif dilaksanakan pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa tempatan seperti penetapan hari tertentu bagi melaksanakan program tanpa beg plastik dan kitar semula, namun kepayaan mahasiswa sebagai penggerak utama wajar diberi perhatian.

Kita tidak boleh selesa dalam mencari kaedah menyuburkan budaya hijau, sebaliknya perlu mengamalkan amalan hijau secara lebih konsisten dan berkesan seperti yang berlaku di kebanyakan negara maju.

Di Jerman contohnya, negara itu memperkenalkan sistem rangkaian sewa basikal yang sistematis di bandar raya Paris sebagai salah satu usaha untuk mempraktikkan budaya

hijau. Sistem yang bermula pada 2007 itu mendapat sambutan luar biasa warga kota raya Paris saban tahun.

Di Kanada pula, pengendali perkhidmatan basikal sewa, Montreal's Bixi berbangga apabila mereka berjaya mengurangkan pembuangan gas rumah hijau sebanyak tiga juta paun setahun.

### Kurang sambutan

Berbeza dengan apa-apa yang berlaku di Malaysia, usaha yang dilaksanakan belum begitu menampakkan hasil yang signifikan. Contohnya, langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup beberapa laluan jalan raya di ibu negara selama dua jam setiap Ahad minggu pertama secara bulanan ialah satu usaha amalan yang sangat baik.

Malangnya, usaha yang bermatlamat mengelakkan penggunaan kenderaan bermotor tidak mendapat sambutan yang diharapkan kerana kurangnya 'role model' yang vokal dan konsisten untuk memperkasa usaha tersebut.

Perkara ini menimbulkan kebimbangan tentang pembudayaan hijau yang malap dalam masyarakat kita selain faktor sesetengah individu bersikap tidak acuh.

Melihat kepada perkembangan ini, peranan mahasiswa wajar digerakkan bagi merencanak program berkaitan amalan hijau di kampus masing-masing. Penganjuran program seperti Hari Tanpa Asap di kampus boleh dilaksanakan yang semua mahasiswa, pensyarah dan staf wajib berjalan kaki atau berbasikal di dalam kampus. Bagaimanapun, kerangka kerja bagi membudayakan program berkenaan perlu merangkumi jangka masa panjang bagi memastikan impak, kawalan dan pemantauan terhadap pelaksanaan program.

### Pelaksanaan berfasa

Usaha ini sudah pastinya tidak boleh dilaksanakan secara mengejut sebaliknya secara berfasa dan penuh tertib bagi membentuk disiplin setiap warga kampus. Komitmen tinggi dituntut bagi memastikan keserius-

hangat-hangat tahi ayam.

Program seumpama itu juga mampu menjadi medan dalam usaha melahirkan generasi mesra alam yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Jika kita mampu menarik pembabit lebih ramai mahasiswa dalam aktiviti sukarelawan seperti 1M4U, keadaan yang sama turut diharapkan dalam pembudayaan amalan hijau kalangan mahasiswa.

Semangat sayangkan alam sekitar serta membudayakan amalan hijau dalam kalangan mahasiswa dapat disuburkan dalam kampus sehingga mampu menarik masyarakat luar untuk bersama-sama membudayakan sikap itu.

Kejayaan pembudayaan amalan hijau di negara maju wajar dijadikan contoh dan kita yakin kejayaan usaha pembudayaan amalan hijau di kampus dapat diperluaskan dan berdasarkan analisis positif ini, pembudayaan amalan hijau ini bukanlah perkara yang mustahil.

“  
PERKARA INI  
MENIMBULKAN  
KEBIMBANGAN  
TENTANG  
PEMBUDAYAAN  
HIJAU YANG  
MALAP DALAM  
MASYARAKAT  
KITA SELAIN  
FAKTOR  
SESETENGAH  
INDIVIDU  
BERSIKAP  
TIDAK ACUH”

san dalam pelaksanaannya dalam kalangan warga kampus khususnya mahasiswa, bukan sekadar hanya